

# PERKEMBANGAN SEKOLAH PEREMPUAN MELAYU DI NEGERI- NEGERI MELAYU BERSEKUTU, 1896-1941

---

Muhammad Ridzuan Bin Idris  
Arba'iyah Mohd Noor

## Abstract

*This article discusses the development of Malay girl's schools in the Federated Malay States between 1896 and 1941. Before 1896, the education given to the Malays was informal. After the coming of Islam, women's education changed with the introduction of religious education. Nevertheless secular educations for Malay girls existed at the end of the 19<sup>th</sup> century. The first Malay girl's school was established in Teluk Belanga, Singapore in 1884 by the Johor Royal family. However, the development of women's schools in the early stages were limited and slow. By the 1920s and 30s, however women's education development began to show an increase in terms of the number of schools and the number of students. In that period, many Malays were educated either in Malay or English schools. The Middle East influence also alerted the Malays to the importance of education. This increased awareness among the Malays also convinced the British Government that education for girls should be given due attention. The highlight of this development was the establishment of the Malay Women's Training College, Malacca (MWTC), in 1935, which carried the new wave in the development of women's education.*

## Pengenalan

Sistem pendidikan di Tanah Melayu sebelum tahun 1957 boleh dibahagikan kepada dua peringkat yang utama, iaitu sistem pendidikan

sebelum kedatangan British (1400-1786) dan sistem pendidikan semasa penjajahan British (1786-1956). Pada asasnya pendidikan boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu sistem pendidikan formal dan sistem pendidikan tidak formal. Pada peringkat awal, pendidikan adalah bersifat pemindahan pengetahuan dan kemahiran daripada ibu atau bapa kepada anak-anak. Selepas kemasukan agama Islam, proses pendidikan mula berubah dengan penekanan kepada pembelajaran berasaskan ajaran Islam. Perkembangan ini telah menyebabkan wujudnya institusi pendidikan agama seperti surau, masjid, pondok dan juga madrasah. Manakala perkembangan pendidikan sekular pula dikesan pada abad ke-19, di Negeri-negeri Selat bermula di Pulau Pinang, Singapura dan seterusnya Melaka. Perkembangan ini telah menyebabkan wujudnya sekolah-sekolah vernakular Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil.

Bagi pendidikan perempuan, Sekolah Perempuan Melayu yang pertama mula didirikan di Teluk Belanga, Singapura pada tahun 1884 dan kemudiannya telah berkembang di Negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Perkembangan sekolah-sekolah perempuan Melayu pada peringkat awal adalah perlahan jika dibandingkan dengan sekolah untuk anak-anak lelaki. Namun demikian, menjelang tahun-tahun 1920-an dan 30-an, perkembangan pendidikan bagi anak-anak perempuan menunjukkan peningkatan yang menggalakkan. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh wujudnya kesedaran dalam kalangan orang Melayu tentang pentingnya pendidikan kepada anak-anak perempuan. Kemuncak kepada perkembangan pendidikan wanita bermula apabila Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka (MPMM) ditubuhkan pada tahun 1935. Kemunculan institusi ini telah memberi nafas baru terhadap sistem perguruan dan persekolahan perempuan Melayu. Selain itu, kewujudan institusi ini juga menandakan bahawa wujudnya keperluan yang mendesak kepada keperluan guru yang terlatih untuk sekolah-sekolah perempuan Melayu.

### **Pendidikan Wanita Melayu Sebelum 1896**

Konsep pelajaran dalam erti kata wujudnya pengajaran dan pembelajaran dan kegiatan yang berkait dengan proses pendidikan telah lama wujud dalam masyarakat Melayu sebelum kedatangan British lagi. Walau bagaimanapun, perkembangan pendidikan pada zaman silam tidak banyak diketahui kerana kekurangan catatan khusus mengenainya. Oleh itu, adalah tidak wajar sekiranya kita mengandaikan bahawa zaman silam sunyi daripada pendidikan hanya kerana bersandarkan pada pernyataan awal tersebut. Sistem pendidikan

zaman silam sememangnya wujud tetapi bentuk atau sistemnya yang berbeza dengan sistem pendidikan moden.<sup>1</sup>

Sistem pendidikan pada zaman awal ini dikenali sebagai sistem pendidikan tidak formal iaitu sistem pendidikan yang dilalui oleh semua kanak-kanak lelaki dan perempuan melalui proses sosialisasi.<sup>2</sup> Proses pendidikan tidak formal dilakukan secara tidak langsung melalui pemerhatian dan tunjuk ajar secara terus oleh bapa atau ibu kepada anak-anak mereka dalam kehidupan seharian. Kebanyakan ilmu yang diajar adalah dalam bentuk pengetahuan asas, kebolehan (*skill*) serta pengetahuan-pengetahuan yang melibatkan pembentukan akhlak dan peribadi sebagai persediaan untuk menjadi ahli dalam masyarakatnya.<sup>3</sup> Proses pendidikan ini berlaku secara sosialisasi dan mempunyai beberapa tahap tertentu dan berterusan sehingga seseorang kanak-kanak menjadi dewasa.<sup>4</sup> Bagi anak-anak perempuan pendidikan pada peringkat awal lebih menjurus kepada pengetahuan asas pengurusan rumah tangga.

Bagi anak perempuan di serahkan menganyam dan menjahit. Dapat tikar sehelai bantal sebuah. Sukalah emak dengan banyaknya. Bagi si lelaki diserahkan mengaji, dapat ayat sepatah dua. Tangkal judi sabung. Kemudian anak si lelaki, sampai ukur dengan jangkanya. Kalau ke laut belajar cincang dayung. Kalau darat belajar cincang pedang.<sup>5</sup>

Objektif pendidikan zaman awal adalah bertujuan untuk pemindahan pengetahuan dan kemahiran (kognitif) berbanding pemindahan ilmu (afektif dan psikomotor). Pada akhirnya nanti, seseorang yang telah melalui proses pendidikan ini akan mampu bekerja menyara keluarga dan menjadi ahli komuniti masyarakat yang baik.<sup>6</sup> Di samping itu, ibu bapa dan masyarakat sekeliling juga mengharapkan agar seseorang yang terdidik melalui proses pendidikan ini akan 'menjadi orang' dan mampu mengadaptasi segala kehendak masyarakat sekeliling dengan baik. Oleh yang demikian, kanak-kanak lelaki dan perempuan diajar untuk berkelakuan baik, menghormati orang tua, berbudi bahasa dan bersopan santun. Mereka juga perlu menghormati dan berpegang teguh kepada adat dan tatasusila budaya yang telah ditetapkan oleh masyarakatnya. Bagi memantapkan pendidikan kerohanian, masyarakat Melayu telah mengadaptasi pendidikan Islam dalam kehidupan seharian dengan penekanan kepada ajaran dan larangan yang sudah termaktub dalam agama Islam.<sup>7</sup>

Kaedah pendidikan tidak formal ini boleh dibahagikan kepada dua tahap. Objektif pendidikan bagi kedua-dua tahap ini adalah bertujuan untuk mendidik, memperbaiki dan memperbetulkan segala kesalahan

yang telah dilakukan oleh kanak-kanak. Pada tahap permulaan biasanya kanak-kanak yang melakukan kesalahan akan dimarahi, ditegur, didenda dan diminta berjanji supaya tidak melakukan kesalahan yang sama. Bagi tujuan pengukuhan, biasanya kanak-kanak ini akan didenda seperti dipukul atau dirotan dengan tujuan agar mereka tidak lagi melakukannya. Pada peringkat kedua pula, pendidikan yang diberikan adalah bersifat 'pujukan' bersesuaian dengan kematangan emosi dan pemikiran kanak-kanak yang sedang meningkat remaja. Pada peringkat ini, ibu atau bapa menggunakan pendekatan diplomasi untuk menasihati anak-anak. Mereka juga menggunakan cara yang lembut dan memujuk di samping memberi sokongan kepada anak-anak untuk berkelakuan baik. Selain itu, ibu atau bapa juga akan memerhati segala tindak tanduk dan perlakuan anak-anak mereka dan memastikan segala perlakuan anak-anak bersesuaian dengan kehendak ibu bapa, keluarga dan masyarakat.

Gadis-gadis yang belum berkahwin diajar supaya menjauhi semua orang lelaki melainkan yang bersaudara dengannya. Sebelum berkahwin, adalah dianggap tidak manis bagi seorang anak dara mengangkat matanya atau menunjukkan minat kepada hal-hal sekelilingnya bila ada lelaki. Ini membuatnya berpura-pura malu dan walau bagaimana sekalipun hal ini disorok kelihatan juga kepada orang.<sup>8</sup>

Walau bagaimanapun, bagi anak-anak perempuan Melayu golongan kerabat diraja dan bangsawan, pendidikan yang diberikan adalah berbeza dengan anak-anak perempuan golongan rakyat biasa atau bawahan. Anak-anak perempuan golongan ini kebanyakannya mempunyai banyak keistimewaan. Mereka tidak dibenarkan terlibat dalam segala urusan berkaitan rumah tangga dan hanya perlu menyiapkan diri agar sentiasa kelihatan cantik. Perawakan dan perwatakan mereka juga sentiasa menjadi bualan dan sanjungan masyarakat.

Anak-anak perempuan tidak diajar suatu apa pun tentang urusan rumah tangga, kerana peranan mereka kelak adalah sebagai isteri orang besar yang hanya tahukan nasi tersaji di lutut. Seluruh pendidikan di tumpukan ke arah ini. Yang dipentingkan ialah mereka harus cantik molek, berdandan rapi dan mempunyai gaya lembut menawan.<sup>9</sup>

Selain pendidikan tidak formal, masyarakat Melayu juga memberikan pendidikan keagamaan kepada anak-anak mereka.

Sebelum tahun 1896, pendidikan agama Islam merupakan satu-satunya sistem pendidikan yang agak formal dalam masyarakat Melayu. Pada peringkat awal, pendidikan agama dijalankan di rumah-rumah guru dan surau-surau yang berhampiran dengan tempat tinggal pelajar. Selepas tahun 1896, corak sistem pendidikan agama mula berubah dan berkembang seiring dengan pengenalan sistem pendidikan sekular. Walaupun kewujudan sistem pendidikan sekular agak menggugat sistem pendidikan agama, namun pendidikan agama masih kekal menjadi sebahagian daripada sistem persekolahan selepas tahun 1896.<sup>10</sup>

Objektif pendidikan agama pada peringkat awal adalah bagi memastikan anak-anak mengetahui pengetahuan asas berkaitan agama Islam. Kanak-kanak lelaki dan perempuan seawal umur enam hingga tujuh tahun telah diajar untuk mengenal huruf-huruf al-Quran, mengeja dan menulis menggunakan abjad jawi. Setelah menguasai kemahiran asas, mereka diminta untuk menghafal al-Quran serta membacanya mengikut nahu dan sebutan yang betul.

Di kampung-kampung pada zaman dahulu di manakah ada sekolah dan manakah tempat pelajaran anak-anak Melayu yang boleh dipanggil sekolah. Bahkan pada zaman Abdullah Munsyi di negeri Melaka dahulu ada juga tempat-tempat pelajaran yang dibuka oleh orang-orang Melayu sendiri dan pelajaran di dalamnya ialah mengaji al-Quran dan sedikit-sedikit tulis bahasa Melayu dan tidak pula berperaturan yang lengkap seperti yang ada sekarang ini...<sup>11</sup>

Dalam *Hikayat Abdullah* yang ditulis pada awal abad ke-18, menyatakan bahawa nenek kepada Abdullah Munsyi yang bernama Peri Achi merupakan seorang guru besar di Kampung Pali, Melaka.<sup>12</sup>

Sa-bermula maka adalah pada zaman itu dalam negeri Melaka, bahawa nenek perempuan sebelah bapaku itulah menjadi guru besar dalam kampung Pali, ada kira-kira dua ratus anak muridnya daripada laki-laki dan perempuan mengaji Qur'an. Dan berbagai-bagai-bagai orang belajar kepadanya; ada yang menulis, ada yang belajar surat dan bahasa Melayu masing-masing dengan kehendaknya. Maka hampir-hampir habis se-Melaka itu punya kanak-kanak datang belajar kepadanya...<sup>13</sup>

Peri Achi juga dikatakan telah mengajar lebih kurang dua ratus orang kanak-kanak Melayu lelaki dan perempuan mengenai pengetahuan menulis, bahasa Melayu dan membaca al-Quran. Melalui petikan ini juga menunjukkan bahawa sebahagian kanak-kanak perempuan tidak dipinggirkan malah menerima pendidikan

formal seperti mana kanak-kanak lelaki. Selain itu, catatan ini juga membuktikan bahawa sudah ada kaum wanita pada abad ke-18 yang berpendidikan dan bukan hanya sebagai seorang guru biasa malah telah diangkat sebagai guru besar di sekolah kampung tersebut.<sup>14</sup>

Di samping itu, pendidikan agama juga merupakan pendidikan asas dalam sistem pendidikan tradisional masyarakat Melayu. Sistem pendidikan ini terus berkembang kerana mendapat sokongan daripada para ulama dan gerakan-gerakan golongan sufi.<sup>15</sup> Mereka ini menjadi guru dan mengajar hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam di surau-surau dan masjid-masjid. Pada awal abad ke-19, seorang guru Quran iaitu Lebai Abdul Razak, telah memberitahu kepada rombongan Munsyi Abdullah dan Sir Stamford Raffles yang datang melawat tempatnya bahawa, "Orang-orang yang empunya anak ini menyuruh ajarkan Quran dahulu, maka kalau sudah ia dapat Quran, kemudian boleh belajar bahasa Melayu, begitulah adat sahaya semuanya ..." <sup>16</sup>

Selain itu, sistem pendidikan agama yang dibawa oleh golongan ulama dan ahli sufi ini mempunyai dua peringkat. Pada peringkat permulaan, semua pelajar akan mempelajari al-Quran dan perkara-perkara pokok berkenaan agama Islam. Kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berusia lima hingga 10 tahun diwajibkan mempelajari al-Quran dan perkara-perkara asas mengenai agama seperti bersuci, fardu ain dan fardu kifayah. Pada peringkat kedua, kanak-kanak perlu menghafal surah-surah yang terdapat dalam al-Quran. Kaedah 'hafalan' ditekankan bagi memastikan kanak-kanak boleh mengingati kesemua surah yang terdapat dalam al-Quran. Kanak-kanak yang gagal menghafal akan dikenakan hukuman.<sup>17</sup> Hukuman yang dikenakan tidak hanya terbatas kepada kanak-kanak lelaki malahan kanak-kanak perempuan juga akan menerima hukuman yang sama sekiranya gagal menghafal al-Quran.<sup>18</sup>

Murid mula belajar perkataan-perkataan Arab dan selepas sudah menguasainya, mereka akan terus mempelajari cara menghafaz huruf abjad Arab supaya menjadi panduan membaca doa dan teks Arab. Biasanya, mereka belajar tiga pelajaran sehari, setiap pelajaran mengambil masa satu jam. Pelajaran pertama biasanya dimulakan selepas sembahyang subuh; kedua, selepas sembahyang Zuhur dan satu lagi selepas senja.<sup>19</sup>

Pada awal abad ke-20, sistem pendidikan agama terus mendapat tempat dalam sistem pendidikan orang Melayu. Pengenalan sistem pendidikan madrasah yang lebih moden dan tersusun telah memberi saingan kepada sistem pendidikan pondok dan juga sistem pendidikan sekular. Pada abad ke-20 juga, kerajaan British telah mewujudkan sistem persekolahan agama pada waktu petang. Kanak-kanak akan

bersekolah di sekolah vernakular pada waktu pagi dan pada waktu petang mereka akan bersekolah di sekolah agama. Sebagai contoh, kanak-kanak perempuan Melayu di Perak pada awal tahun 1900-an akan bersekolah di sekolah perempuan Melayu pada waktu pagi dan akan ke sekolah agama pada waktu petang. Pelajaran yang mereka pelajari di sekolah agama adalah agak rendah sedikit berbanding kanak-kanak lelaki. Mereka diajar rukun sembahyang, rukun iman dan hukum bersuci. Pelajaran ini di panggil perukunan agama dan kitab yang mereka gunakan ialah 'Kitab Perukunan' dan pengajaran dilakukan dua kali seminggu.<sup>20</sup>

*Indigenous School, The old Malay Koran School were often residential... Malay girls also were taught something of the Koran, though they were not expected to attain the same standard of proficiency as boys. In some cases, after learning to read the Koran in Arabic, they were taught a little Malay.*<sup>21</sup>

### **Penubuhan Sekolah Perempuan Melayu**

Sekolah perempuan Melayu pada peringkat awal telah didirikan oleh Mr. Wright pada pertengahan abad ke-19. Sekolah berkenaan diwujudkan hasil usaha beliau, isteri dan saudara perempuannya. Sekolah ini hampir sama dengan sekolah yang didirikan oleh Keasberry untuk murid-murid lelaki yang telah dibina sebelumnya.<sup>22</sup> Walau bagaimanapun, pada awal penubuhan, sekolah ini dikatakan menghadapi pelbagai masalah. Antara masalah yang dianggap serius ialah prasangka orang-orang Melayu terhadap persekolahan bagi anak-anak perempuan.<sup>23</sup> Sikap ini dikatakan lebih sukar dikikis daripada sikap terhadap pembelajaran anak-anak lelaki. Setelah berusaha beberapa tahun akhirnya sekolah ini berjaya mendapatkan murid-murid perempuan dalam kalangan anak-anak yatim dan golongan miskin.

*The prejudice of the Malay against the education of the female children is more difficult to overcome than with regard to boys, and it may yet require years of patient perseverance ere any progress be made in the good work. It can only be done by obtaining orphan or destitute female children and producing them at the end of a few years as specimens of what education will do toward giving them good means of making money.*<sup>24</sup>

Berbeza dengan sekolah Keasberry, sekolah ini langsung tidak mendapat bantuan daripada kerajaan bahkan perbelanjaan murid-murid di sekolah ini ditanggung sendiri oleh Mr Wright. Kerajaan British pada masa tersebut tidak berminat untuk menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak perempuan.<sup>25</sup> Sekolah Perempuan Melayu pertama secara rasmi telah buka pada tahun 1884 di Teluk Belanga, Singapura. Lima

tahun kemudian barulah sekolah kedua didirikan iaitu pada 1889 di Pulau Pinang. Penubuhan sekolah perempuan Melayu di Teluk Belanga pada tahun 1884 diwujudkan atas inisiatif kerabat diraja Johor yang menubuhkan sekolah berkenaan untuk anak-anak perempuan kerabat diraja dan bangsawan.<sup>26</sup>

*The first school was opened at Telok Blanga in 1884, and could show sixty pupils the next year. In 1887 it had to be closed, "the attendance having sunk almost to nil." The next year it was reopened, but in 1889, "owing to the departure of Ungku Anda, who had taken great interest in the Telok Blanga Girls' School, and to the fact that over twenty families having children in the school removed with her to Johore in April last, the attendant."<sup>27</sup>*

Walau bagaimanapun, sekolah ini terpaksa ditutup pada tahun 1884 kerana jumlah muridnya yang terlalu sedikit iaitu hanya seramai enam orang sahaja. Sekolah ini kemudiannya dibuka semula pada tahun 1889 apabila Ungku Anda memberi sokongan dan perhatian khusus. Namun demikian, sekolah ini akhirnya terpaksa ditutup sekali lagi kerana tidak mendapat sambutan apabila Ungku Anda berpindah ke Johor. Jika dilihat secara terperinci penutupan sekolah berkenaan adalah disebabkan pelajar-pelajar perempuan di sekolah berkenaan turut sama berpindah ke Johor. Di samping itu, masalah-masalah lain seperti kekurangan guru, sukatan dan kemudahan juga telah menyebabkan sekolah berkenaan tidak mendapat sambutan.<sup>28</sup>

### **Tujuan Penubuhan Sekolah Perempuan Melayu**

Kerajaan British tidak mempunyai perancangan yang jelas mengenai pendidikan wanita Melayu. Secara umumnya dasar pendidikan British terhadap orang Melayu adalah untuk memberikan pendidikan asas kepada orang Melayu agar mereka mengetahui serba sedikit kemahiran membaca, menulis dan mengira.<sup>29</sup> Walaupun tiada dasar yang jelas mengenai pendidikan wanita Melayu, namun dasar British terhadap pendidikan Melayu secara tidak langsung telah memberi kesan terhadap pendidikan wanita. Dasar British untuk memberikan pendidikan kepada orang Melayu pada peringkat awal adalah agak kabur dan tidak konsisten. Mengikut Laporan Pelajaran bagi Negeri-Negeri Selat, kerajaan Inggeris hanya campur tangan secara langsung dalam hal ehwal pelajaran di Tanah Melayu bermula tahun 1870.<sup>30</sup>

Pada tahun 1870, satu rang undang-undang pelajaran asas telah diluluskan oleh Parlimen British yang menyatakan kerajaan Inggeris bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan kepada kanak-kanak di tanah jajahannya.<sup>31</sup> Walau bagaimanapun pada tahun



1893, Jawatankuasa Isemonger yang ditubuhkan untuk menyemak kedudukan pelajaran vernakular Tanah Melayu dan Singapura telah membuat keputusan untuk menutup sebahagian sekolah vernakular bagi mengurangkan perbelanjaan kerajaan. Jawatankuasa Isemonger mencadangkan penutupan sekolah-sekolah vernakular yang mempunyai kedatangan murid kurang daripada 15 orang. Ekoran daripada itu sebanyak 22 buah sekolah Melayu telah ditutup pada tahun 1895.<sup>32</sup>

Pada peringkat awal penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, kerajaan British dikatakan memberi tumpuan khusus kepada pendidikan orang Melayu dan dilihat sebagai dasar Pro Melayu.<sup>33</sup> Sir George Maxwell iaitu Ketua Setiausaha bagi Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah menyatakan matlamat pendidikan bagi penduduk Tanah Melayu.

*The two subject in which I am interested, "are Education and Public Health". I am disposed to put Education first because I take the view that a generation in but short period in the lifetime of a country; and so if is a case of spending money upon one or the other I should spend the money on Education.<sup>34</sup>*

Walau bagaimanapun, hasrat ini bertentangan dengan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan British sepanjang pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu sehingga 1941. Terdapat dua kecenderungan yang sentiasa bertentangan apabila diteliti dasar-dasar British terhadap pendidikan orang Melayu. Dari satu aspek, kemasukan imigran Cina dan India ke Tanah Melayu yang semakin meningkat menyebabkan wujud keperluan mendesak untuk memberi pendidikan kepada orang Melayu agar mereka tidak mudah ditipu dan melindungi mereka daripada teraniaya. Dari satu aspek lagi, British bimbang pelajaran yang diberikan kepada orang Melayu akan memisahkan kelompok ini dengan persekitarannya.<sup>35</sup> Ketiadaan perancangan yang jelas telah menyebabkan perkembangan pendidikan di Tanah Melayu menjadi kucar kacir dan timbul pelbagai masalah.<sup>36</sup>

Di samping itu, dasar pendidikan British juga bertujuan untuk menguatkan kedudukannya di Tanah Melayu. Pendidikan digunakan oleh pihak penjajah sebagai alat untuk mengawal bumiputera supaya tidak menentang kuasa mereka.<sup>37</sup> Perkara yang jelas ialah kerajaan British hanya mementingkan persekolahan peringkat rendah sahaja kepada orang Melayu. Tahap ini dianggap sesuai dengan pekerjaan dan juga persekitaran masyarakat Melayu pada masa tersebut. Pada anggapan British, pendidikan yang tinggi tidak perlu diberikan kepada orang Melayu kerana ia mendorong orang Melayu memilih pekerjaan.<sup>38</sup>

*Female Education – there are at present only three vernacular school for girls in the state: those at Bandar, Kuala Selangor and Kajang. ... this effort to elementary education amongst Malay girls is a most important movement, not only in the interest of children themselves but also for the intellectual development of the race in the future.*<sup>39</sup>

Walaupun wujud beberapa perubahan dasar British terhadap pendidikan Melayu, namun pendidikan wanita Melayu masih jauh ketinggalan. Sehingga tahun 1910-an, pendidikan wanita masih tidak diberi perhatian dan hanya tempelan sahaja kepada sistem persekolahan untuk kanak-kanak lelaki Melayu. Rex Stevenson dalam kajiannya terhadap polisi British ke atas pendidikan Melayu menyatakan pihak British sejak awal penaklukan sehingga awal abad ke-20, sebenarnya tidak begitu berminat terhadap pendidikan kanak-kanak perempuan Melayu kerana dianggap tidak memberi faedah dari segi ekonomi.<sup>40</sup> Frank Swettenham menyokong pendapat berkenaan dengan menganggap pemberian pelajaran kepada anak-anak perempuan itu sebagai “*dangerous social undertaking*”.<sup>41</sup>

*I doubt it. That form of experiment, though full of interest to the operator, is sometimes fatal to the patient... when the time comes to satisfy the cultivated taste of the education mind, the teacher is powerless to help, is probably far out of reach, and lonely soul of misdirected girl will find little comfort in her old home and the society of her own unregenerate people.*<sup>42</sup>

Oleh yang demikian, pendidikan yang dirancang untuk wanita Melayu hanyalah pendidikan peringkat rendah dan hanya terbuka kepada anak-anak perempuan golongan bangsawan dan ketua masyarakat tempatan. Bagi anak-anak perempuan golongan bangsawan, pendidikan yang diberikan adalah bertujuan untuk menjadikan mereka suri rumah tangga yang baik bagi lelaki Melayu yang berpendidikan.<sup>43</sup> Pendidikan yang diberikan hanyalah untuk memenuhi kehendak pegawai-pegawai Melayu yang inginkan isteri yang berpendidikan dan boleh bergaul dan berkomunikasi dengan isteri-isteri pegawai-pegawai British. Situasi ini adalah biasa bagi kebanyakan negara di Asia yang mana kaum lelaki yang berpendidikan akan mencari isteri yang juga berpendidikan. Situasi ini dinyatakan dengan jelas dalam surat yang dihantar oleh C. Clementi pada 15 November 1933, Beliau menyatakan:

*... and it is evident that young men of Malaya are already beginning to demand that their wives should have had educational opportunities which qualify them to be real companions and helpmates. This is now a common symptom in many part of Asia.*<sup>44</sup>

Desakan dan keperluan inilah yang memaksa British menubuhkan sekolah-sekolah perempuan Melayu. Walau bagaimanapun sekolah-sekolah ini agak terhad dan hanya dibuka di kawasan bandar-bandar utama sahaja. Oleh yang demikian, peluang untuk mendapatkan pendidikan hanya terbuka kepada mereka yang berada di kawasan bandar dan agak tertutup bagi mereka yang berada di luar bandar. Kelemahan infrastruktur juga telah menyebabkan ramai anak-anak di kawasan luar bandar tidak berpeluang untuk mendapatkan pendidikan.

### **Perkembangan Sekolah Perempuan Melayu**

Perkembangan sekolah perempuan Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dari tahun 1896 sehingga 1941 adalah amat perlahan dan jauh ketinggalan berbanding dengan sekolah lelaki. Keadaan ini adalah disebabkan oleh kurangnya minat British terhadap pendidikan wanita. Selain itu, kerajaan British berpendapat pendidikan kepada wanita tidak memberi pulangan dari segi ekonomi kepada kerajaan British. Oleh itu, kebanyakan sekolah perempuan Melayu pada peringkat awal diwujudkan atas usaha dan kesedaran Raja-raja dan kerabat diraja Melayu. Walaupun ada usaha dan bantuan yang diberikan oleh pihak British terhadap penubuhan sekolah perempuan Melayu namun ia hanya bertujuan untuk mendapat sokongan politik daripada kerabat diraja dan golongan bangsawan Melayu.

Perkembangan sekolah vernakular perempuan Melayu pada peringkat awal bermula di Negeri-negeri Selat iaitu Singapura, kemudiannya Pulau Pinang dan seterusnya Melaka. Sekolah Perempuan Melayu pertama di Negeri-negeri Melayu Bersekutu didirikan pada penghujung abad ke-19. Sekolah berkenaan ialah Sekolah Perempuan Melayu Taiping yang ditubuhkan tahun 1890 di negeri Perak.<sup>45</sup> Seterusnya Sekolah Perempuan Melayu pertama di Selangor didirikan lima tahun selepas Sekolah Perempuan Melayu di Taiping, Perak. Tahun 1895 bolehlah dianggap sebagai tahun bertuah bagi anak-anak perempuan Melayu Selangor kerana buat pertama kalinya sekolah perempuan Melayu didirikan di negeri berkenaan. Mengikut laporan Fail Setiausaha Kerajaan Selangor, *Inspector of School*, 1634/1897, laporan bagi tahun 1896 menyatakan:<sup>46</sup>

*A Malay girl's school, at which the girls are taught weaving sewing and cooking, as well as reading and writing, has been successfully opened at Kuala Langat, and probably another will be opened at Kuala Selangor during the current year. There are the two districts in which is the largest Malay Population.*<sup>47</sup>

Walaupun sebahagian besar ibu bapa Melayu masih ragu-ragu untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah, tetapi langkah ini merupakan langkah awal perkembangan sekolah perempuan Melayu. Sekolah-sekolah perempuan Melayu yang ditubuhkan pada peringkat awal ini menghadapi pelbagai masalah dan sesetengahnya terpaksa ditutup.<sup>48</sup> Perkembangan sekolah perempuan Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu sehingga tahun 1899 juga agak perlahan.<sup>49</sup> Menurut Laporan Fail Setiausaha Kerajaan Selangor yang dibuat oleh *Inspector of School* menyatakan: “*female education in the states is not an encouraging position, of the three Malay girls school only one is in anything like a flourishing condition.*”<sup>50</sup>

**Jadual 1: Statistik Sekolah Perempuan Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu Pada Tahun 1899**

Negeri	Jumlah Sekolah	
	Vernakular	
	Lelaki	Perempuan
Perak	93	8
Selangor	33	3
Negeri Sembilan	25	-
Pahang	8	-
<b>Jumlah</b>	<b>159</b>	<b>11</b>

Sumber: *Supplement to the "Selangor Government Gazette," 29 June, 1900, Report on Education In The Federated Malay States For The Year 1899, hlm. 6*

Statistik ini juga menunjukkan perkembangan sekolah perempuan Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang agak perlahan berbanding dengan sekolah untuk kanak-kanak lelaki. Statistik pada tahun 1899, menunjukkan hanya terdapat 11 buah sekolah perempuan Melayu didirikan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu berbanding 159 buah sekolah untuk kanak-kanak lelaki. Pada tahun 1990 jumlah sekolah perempuan yang rekodkan adalah 12 iaitu bertambah hanya sebuah sekolah sahaja. Selain itu, Perak merupakan negeri yang mempunyai jumlah sekolah perempuan yang lebih tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Situasi ini disebabkan sekolah-sekolah perempuan Melayu pada peringkat awal hanya didirikan di bandar-bandar utama sahaja dan pada peringkat ini banyak bandar-bandar baharu muncul di negeri Perak disebabkan faktor perlombongan biji timah.<sup>51</sup> Selain

itu, peranan dan komitmen raja-raja Melayu juga telah mempengaruhi perkembangan pendidikan wanita terutamanya pada tahun 1900-an.

**Jadual 2: Statistik Sekolah Melayu dan Jumlah Pelajar Pada Tahun 1900**

Negeri	Jumlah sekolah		Jumlah pelajar	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Perak	93	10	3,374	184
Selangor	32	2	1,286	50
N.Sembilan	24	-	1,169	-
Pahang	10	-	431	-
<b>Jumlah</b>	<b>159</b>	<b>12</b>	<b>1,331</b>	<b>298</b>

Sumber: Report On Education, Federated Malay States 1900 dalam *Supplements to the "Selangor Gazette" 28 Jun 1901*, hlm.6 dalam CO 469/11.

Daripada statistik yang ditunjukkan di atas, sekolah perempuan Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1900 ialah sebanyak 12 buah iaitu 10 buah sekolah di Perak dan dua buah sekolah di Selangor. Walaupun nisbah sekolah lelaki jauh lebih tinggi namun ia adalah permulaan yang baik bagi perkembangan sekolah perempuan Melayu. Manakala Negeri Sembilan dan Pahang pula sehingga tahun 1900 tidak mempunyai satu pun sekolah bagi kanak-kanak perempuan Melayu. Keadaan ini disebabkan kedua-dua negeri berkenaan kurang memberi sumbangan ekonomi kepada British berbanding dengan Perak dan Selangor.<sup>52</sup> Jumlah pelajar perempuan yang dicatatkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1900 hanyalah 298 orang berbanding 1,331 pelajar lelaki.

**Jadual 3: Perbandingan Jumlah Sekolah dan Jumlah Pelajar Melayu Pada Tahun 1916**

Negeri	Jumlah sekolah	
	Lelaki	Perempuan
Perak	148	43
Selangor	54	6
N.Sembilan	67	4
Pahang	42	1
<b>Jumlah</b>	<b>311</b>	<b>54</b>

Sumber: *Federated Malay States Annual Report for 1916*, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office. Lihat juga CO 439/3 *Selangor Administration Report 1916*.

Pada tahun 1916, jumlah sekolah bagi kanak-kanak perempuan Melayu semakin bertambah menjadi 54 buah dan negeri Pahang telah membuka sebuah sekolah bagi kanak-kanak perempuan Melayu. Perkembangan ini berlaku disebabkan wujudnya permintaan yang semakin meningkat daripada ibu bapa Melayu untuk memberi pendidikan kepada anak-anak perempuan. Perkembangan kesedaran dalam kalangan orang Melayu terutama pada awal tahun 1900-an dan 1910-an banyak dimainkan oleh golongan berpendidikan Timur Tengah. Golongan ini telah menyedarkan orang Melayu tentang kepentingan memberi pendidikan kepada anak-anak perempuan Melayu. Kemunculan majalah *al-Iman*,<sup>53</sup> *al-Ikhwān*,<sup>54</sup> *Sahabat*<sup>55</sup> selain novel dan cerita saduran dari Mesir telah banyak membuka minda orang Melayu agar mementingkan pendidikan untuk terus maju dan mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain di Tanah Melayu. Akhbar *Saudara*, misalnya telah menyeru orang Melayu agar sedar bahawa pendidikan harus diberikan kepada anak-anak sama ada lelaki atau perempuan.

...dijaga yang sebaik-baiknya pada gadis-gadis kita itu, mesti dipelajarkan kepada pelajaran-pelajaran agama walaupun mula-mula tidak disukainya kerana masa inilah persiapan dan perhatian yang bertambah jauh dan berbeda sekali dengan resaman budak laki-laki".<sup>56</sup>

Selain itu, terdapat juga desakan dalam kalangan pemerintah dan pentadbir Melayu supaya kerajaan British mewujudkan lebih banyak sekolah perempuan untuk kanak-kanak Melayu. Atas desakan ini kerajaan British mula memberi perhatian terhadap penubuhan sekolah-sekolah perempuan. Tindakan ini juga bertujuan mendapatkan kerjasama dalam kalangan raja-raja dan pemimpin-pemimpin Melayu. Walau bagaimanapun, usaha untuk mewujudkan sekolah-sekolah perempuan Melayu banyak dimainkan oleh raja-raja Melayu dan juga pemimpin-pemimpin Melayu. Kerajaan British hanya memberi bantuan apabila sekolah berkenaan didirikan dan mempunyai jumlah pelajar yang mencukupi.<sup>57</sup>

Pada tahun 1924, Sultan Selangor meminta agar kerajaan British membina bangunan baru bagi sekolah lelaki dan perempuan Melayu di Kuala Langat. Permohonan ini telah dimaklumkan oleh Pegawai Daerah Kuala Langat kepada Residen British Selangor untuk tindakan lanjut seperti dalam kenyataannya iaitu, *I have the honour to address you on the subject of Malay schools boy and girls at Bandar. His Highness the Sultan having mentioned to me that he would like new building erected by Government.*<sup>58</sup> Sebelum ini, kedua-dua sekolah berkenaan telah pun dibina dengan bantuan kewangan baginda sendiri. Malahan gaji guru

dan kemudahan pembelajaran juga di bawah tanggungan baginda Sultan Selangor.

*Both these school have been provided by His Highness in the past and the teachers in each case are paid by him. His Highness has his own ideas on education which do not entirely coincide with those of the Education Department and prefers to have free hand with the curriculum and the choice of teachers.<sup>59</sup>*

Manakala dalam persidangan DURBAR pada 11 Ogos 1927, baginda Sultan Perak telah mencadangkan supaya pendidikan kepada wanita diberikan perhatian yang serius oleh pihak kerajaan. Baginda Sultan mencadangkan, "*His Highness the Sultan of Perak suggested a boarding school. He considered English should be taught; also hygiene and good manners. But the girls must be most carefully looked after.*"<sup>60</sup> Selain daripada desakan golongan raja, pengaruh kebangkitan kesedaran dalam kalangan orang Melayu juga telah menyebabkan perkembangan pendidikan wanita berkembang dengan baik terutama pada tahun-tahun 1920-an.

Golongan pentadbir Melayu pada awal tahun-tahun 1920-an, mula menunjukkan kesedaran tentang kepentingan memberikan pendidikan kepada anak-anak lelaki dan perempuan. Mereka sedar tentang kedudukan orang Melayu yang jauh terkebelakang berbanding dengan kaum lain di Tanah Melayu.<sup>61</sup> Kesedaran ini bukan saja dibangkitkan oleh golongan pentadbir Melayu yang berpendidikan Melayu dan Inggeris malahan turut dibangkitkan oleh golongan Melayu yang menerima ideologi reformis Islam.<sup>62</sup>

Kepincangan masyarakat Melayu mula dibangkitkan secara lantang oleh golongan pentadbir Melayu dan guru-guru Melayu terutama dalam penulisan-penulisan di akhbar-akhbar pada tahun 1920-an. Pada tahun 1900, bilangan pelajar Melayu di sekolah-sekolah Melayu (lelaki dan perempuan) di Negeri-negeri Melayu Bersekutu adalah seramai 6,500 orang. Manakala pada tahun 1921, bilangannya sudah meningkat kepada 21,000 orang dan jumlah kehadiran di sekolah-sekolah Melayu melebihi 90 peratus.<sup>63</sup> Pegawai daerah juga memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan Melayu. Di Pekan, Pahang misalnya, pegawai daerah sentiasa membuat lawatan ke sekolah bagi menyelia aktiviti pertanian di sekolah. Setiap kali apabila beliau melawat ke sekolah, beliau akan membuat catatan dalam Buku Perharian sekolah dan memberi nasihat tentang pembajaan, giliran tapak pertanian dan benih. Selain itu, beliau juga memeriksa kedadangan murid, kebersihan, penyelenggaraan sekolah dan sebagainya.<sup>64</sup>

Bagi guru-guru Perempuan Melayu, kedudukan wanita Melayu terutama dari segi hak untuk mendapat pendidikan mula diperjuangkan. Mereka menyeru agar hak wanita terutama dalam pendidikan perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa. Selain bertindak memberi pendidikan kepada pelajar-pelajar perempuan di sekolah, guru-guru wanita juga telah menggunakan bidang penulisan untuk membangkitkan kesedaran dalam kalangan wanita. Kesedaran tentang pentingnya pendidikan kepada kaum wanita Melayu telah ditegaskan oleh guru-guru Melayu melalui *Majalah Guru* dengan menyatakan bahawa:

Tidakkah ingin tuan-tuan hendak mencuba, mengubah keadaan kita yang amat rendah dan daif di mata dan hati kaum lelaki? Mustahil kita dapat keluar daripada penjara kehinaan itu melainkan kita memiliki ilmu yang sebenar dan yang bersetuju dengan kefardhuan kita perempuan serta kita tunaikan kewajipan kita dengan segeranya.<sup>65</sup>

Kaum wanita juga tidak ketinggalan dalam menyuarakan kebimbangan terhadap pendidikan anak-anak perempuan Melayu. Mereka menyeru agar kaum wanita berusaha bersungguh-sungguh menimba ilmu bagi memajukan diri. Selain itu, mereka juga mengkritik sikap sesetengah wanita Melayu yang dianggap sebagai 'malas belajar' supaya sedar tentang pentingnya mendapatkan ilmu. Untuk mendapatkan ilmu dan pengetahuan, wanita diseru agar banyak membaca sama ada buku, majalah, akhbar, kitab dan lain-lain lagi.

Kita pemimpin bangsa kita jenis perempuan atau harapan ibu bapa anak bangsa kita. Dari itu janganlah lupa dan marilah kita bersungguh-sungguh mengorbankan diri dan masa kita kerana memajukan kaum perempuan bangsa kita daripada darjah kelakuan perbuatan dan keadaan yang rendah tidak bermakna atau tidak berguna seperti kebanyakannya malas belajar dan malas membaca surat-surat khabar, majalah dan kitab-kitab, suka bersenang-senang dengan tiada pelajaran yang dapat memberi manfaat kepada kaumnya.<sup>66</sup>

Kesan desakan dan kesedaran ini, ramai orang Melayu pada tahun-tahun 1920-an dan 30-an mulai sedar tentang pendidikan kepada anak-anak perempuan. Mereka sedar bahawa hanya pendidikan mampu memberi kesenangan kepada anak-anak mereka. Kesedaran ini telah berkembang dalam segenap lapisan masyarakat Melayu termasuk di kampung-kampung dan kawasan pendalaman. Sebagai contoh, Siti Hasmah Mohd. Ali menceritakan bahawa neneknya iaitu Siti Naemah bt.




Sutan Baginda Perang amat menekankan kepentingan memberi pendidikan kepada cucu-cucu perempuannya.

Yang hairannya, kata Siti Hasmah, sungguhpun kedua-dua nenek dan ibu saya tidak berpelajaran tetapi mereka sentiasa menekankan kepentingan pelajaran di kalangan kaum perempuan dalam keluarganya. Hasil daripada dorongan ini Siti Hasmah bukan sahaja menjadi seorang yang tekun tetapi juga berani menempuh cabaran dan tentu sekali tidak menolak peluang yang terdampar.<sup>67</sup>

Peningkatan kesedaran ini dikesan bukan sahaja dalam kalangan orang Melayu yang berpendidikan malahan dalam kalangan ketua-ketua masyarakat dan juga mereka yang tidak berpendidikan. Mereka mula lebih terbuka dan terdedah kepada pembaharuan dan peka kepada kehendak persekitaran. Selain menghantar anak-anak mereka ke sekolah vernakular Melayu, mereka juga turut menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah Inggeris.

**Graf 1: Statistik Jumlah Sekolah dan Pelajar Perempuan Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1898 sehingga 1938**



Sumber: Diubahsuai daripada *Supplement to the "Selangor Government Gazette,"* 29 June, 1900, *Report on Education In The Federated Malay States For The Year 1899*, hlm.6 dan *Annual Report on Education Federated Malay States*. 1921 App XIII 1930 App. XV 1938, App. XV.

Graf 1 di atas menunjukkan peningkatan yang tinggi dari segi jumlah sekolah dikesan pada tahun 1920-an sehingga tahun 1930-

an. Selain peningkatan jumlah sekolah, statistik turut menunjukkan peningkatan mendadak dari segi jumlah pelajar perempuan Melayu dan secara tidak langsung memperlihatkan wujudnya kesedaran yang tinggi dalam kalangan orang Melayu mengenai pendidikan wanita. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh kesedaran dalam

**Jadual 4: Statistik Jumlah Sekolah Dan Pelajar Perempuan Melayu Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Pada Tahun 1920, 1930 dan 1938**

Jumlah Pelajar dan Sekolah	1920		1930		1938	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
<b>Perak</b>						
Jumlah Sekolah	169	42	209	60	231	59
Jumlah Pelajar	8,667	1,281	15,582	3,502	23,996	4,707
<b>Selangor</b>						
Jumlah Sekolah	60	6	75	10	80	7
Jumlah Pelajar	3,561	197	7,509	727	9,710	962
<b>N. Sembilan</b>						
Jumlah Sekolah	68	4	81	7	86	6
Jumlah Pelajar	4,335	115	6,412	466	9,782	479
<b>Pahang</b>						
Jumlah Sekolah	49	2	77	5	74	6
Jumlah Pelajar	2,136	27	4,562	246	7,015	318

Sumber: *Supplement to the "Selangor Government Gazette,"* 29 June, 1900, *Report on Education In The Federated Malay States For The Year 1899*, hlm. 6 dan *Annual Report on Education Federated Malay States. 1921 App XIII 1930 App. XV 1938, App. XV*

kalangan orang Melayu untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak perempuan. Khoo Kay Kim dalam bukunya *Majalah dan Akhbar Melayu Sebagai Sumber Sejarah* menyatakan akhbar dan majalah yang diterbitkan pada tahun 1930-an banyak menyentuh mengenai persoalan dan permasalahan wanita Melayu khususnya dari aspek pendidikan pada ketika itu.<sup>68</sup> Walau bagaimanapun, perjuangan untuk memberi pendidikan kepada wanita Melayu telah dimulakan seawal tahun 1900-an lagi. Perjuangan ini dibangkitkan semula oleh Kaum Muda melalui majalah *Pilihan Timur*, *al-Ikhwan* dan *Majalah Guru*.<sup>69</sup> Beberapa akhbar lain turut menyedarkan masyarakat Melayu mengenai kepentingan

pendidikan kepada anak-anak perempuan. Sebagai contoh, akhbar *Saudara* menyeru orang Melayu agar memberikan pendidikan kepada anak-anak perempuan seperti mana kanak-kanak lelaki.

...dijaga yang sebaik-baiknya pada gadis-gadis kita itu, mesti dipelajarkan kepada pelajaran-pelajaran agama walaupun mula-mula tidak disukainya kerana masa inilah persiapan dan perhatian yang bertambah jauh dan berbeda sekali dengan resaman budak laki-laki.<sup>70</sup>

Peningkatan kesedaran ini telah memberi kesan kepada peningkatan mendadak pelajar perempuan sama ada di sekolah perempuan mahupun di sekolah lelaki. Peningkatan ini juga telah menyebabkan beberapa buah sekolah perempuan terutamanya di kawasan bandar mempunyai jumlah pelajar yang terlalu ramai. Sebagai contoh dalam *Administration Report of Selangor 1927* menyatakan bahawa Sekolah Perempuan Melayu Kampung Baharu pada tahun 1927 menjadi sesak kerana jumlah pelajar seramai 150 orang yang dianggap terlalu ramai bagi sebuah sekolah yang kecil.

*The end of the year found many Malay school overcrowded. The Malay Girls' School at Kampung Baharu, Kuala Lumpur, is found to be too small to accommodate the 150 girls at present in the school. The demand for education for girls has increased considerably.*<sup>71</sup>

## Kesimpulan

Perkembangan dan pertumbuhan sekolah perempuan Melayu pada peringkat awal adalah amat perlahan dan tidak mendapat perhatian daripada penjajah British. Walau bagaimanapun, perkembangan ini semakin memuncak terutama pada awal abad ke-20 apabila raja-raja Melayu, golongan bangsawan, pegawai-pegawai Melayu dan mereka berpendidikan Timur Tengah mula membangkitkan semangat kesedaran tentang kepentingan pendidikan kepada orang Melayu. Pada peringkat awal penubuhan sekolah-sekolah perempuan Melayu banyak dilakukan oleh orang Melayu sendiri tanpa bantuan kerajaan British. Bermula dengan penyediaan tanah, bangunan, kemudahan pembelajaran dan pelajar dilakukan oleh orang Melayu. Kerajaan British hanya memberi bantuan setelah sekolah berkenaan wujud.

Menjelang tahun 1920-an, peningkatan mendadak dari segi jumlah pelajar dan sekolah menunjukkan gelombang kesedaran terhadap pendidikan dalam kalangan orang Melayu semakin meningkat. Golongan yang berpendidikan telah berusaha meningkatkan kesedaran masyarakat Melayu melalui penulisan dalam majalah dan akhbar

yang terdapat di Tanah Melayu pada ketika itu. Penulisan-penulisan ini menekankan betapa pentingnya pendidikan kepada orang Melayu sama ada lelaki atau perempuan agar mereka dapat bersaing dengan bangsa-bangsa lain yang jauh lebih berjaya dan maju. Pada tahun 1920-an sehingga akhir tahun 1930-an, jumlah sekolah dan pelajar perempuan mula meningkat dengan mendadak. Selain mendapat pendidikan Melayu, terdapat juga pelajar perempuan Melayu yang mendapat pendidikan di Sekolah Perempuan Inggeris. Walaupun jumlahnya jauh lebih rendah berbanding dengan pelajar perempuan bangsa lain namun ia merupakan permulaan yang baik untuk pendidikan anak-anak perempuan.

## Nota

- <sup>1</sup> Tidak banyak catatan mengenai sistem pendidikan sebelum penjajahan British di Tanah Melayu kerana sistem pendidikan pada masa tersebut lebih kepada pendidikan tidak formal yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anaknya. Selain itu, pendidikan agama Islam yang diberikan kepada anak-anak juga hanya berlaku di rumah oleh ibu bapa dan hanya sebahagian kecil ke surau dan rumah guru untuk mendapatkan pendidikan keagamaan. Lihat Jane Drakard, *Sejarah Raja-raja Barus, Dua Naskah dari Barus*, Jakarta: Gramedia Pustaka, 2003, hlm.18-20.
- <sup>2</sup> CO 469/10, *Selangor Government Gazette* menyatakan bahawa kebanyakan penulis yang mengkaji mengenai pendidikan di Tanah Melayu banyak menggunakan istilah pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Penggunaan dua istilah tadi adalah bagi memudahkan perbincangan ataupun pembahagian dalam pelaksanaan pendidikan zaman British di Tanah Melayu. Lihat juga Mohd. Ali Kamaruddin, *Sejarah Penubuhan Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia*, 1981, hlm.1. Pendidikan formal adalah sistem pelajaran Melayu Moden dalam erti kata adanya bangunan khas yang dikenali sebagai sekolah yang didirikan untuk mengajar mata pelajaran sekular secara formal, dan tidak lagi seperti pendidikan Melayu Tradisional yang hanya memberi pelajaran bercorak keagamaan sahaja, sama ada di masjid atau pondok.
- <sup>3</sup> Atan Long, *Pendidik dan Pendidikan*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd, 1984, hlm. 40.
- <sup>4</sup> Mohd Taib Osman, *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 21.
- <sup>5</sup> Mohamed Din bin Ali, *Malay Customary Law and the Family dalam David C. Buxbaum (ed.), Family Law and Customary Law in Asia: A contemporary legal perspective*, The Hague: Martinus Nijhoff, 1968, hlm, 183. Lihat juga Lenore Manderson, *Wanita, Politik dan Perubahan, Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia, 1945-1972*, diterjemahkan oleh Samsudin Jaafar, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd, 1981, hlm. 25.
- <sup>6</sup> Atan Long, *Pendidik dan Pendidikan*, hlm. 40.

- 7 Rahimah Hamdan, "Menilai 'Kepasifan' Wanita Melayu Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional", *Kertas Kerja Seminar Naskhah Melayu*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 12 Februari 2010.
- 8 Frank Swettenham, *Malay Sketches*, London: John Lane, 1913, hlm. 5.
- 9 Nordin Selat, *Kelas Menengah Pentadbir Melayu, Satu Kajian Perkembangan Gaya Hidup*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Utusan Melayu (M) Berhad, 1976, hlm. 41.
- 10 Khoo Kay Kim, Perkembangan Pelajaran Agama Islam dalam Awang Had Salleh (ed), *Pendidikan Ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1980, hlm. 2.
- 11 "Jalan Persekolahan" *Panduan Guru*, Julai 1922, hlm. 30.
- 12 Abdullah Munsyi dilahirkan di Kampung Pali, Melaka pada tahun 1795, mempunyai empat orang abang tetapi semuanya meninggal dunia ketika usia muda. Kesedaran ibu bapa beliau terhadap pendidikan menyebabkan semenjak dari kecil lagi beliau telah diberi pendidikan. Pendidikan awal yang diterima oleh beliau ialah pendidikan agama ketika berumur tujuh tahun. Beliau digelar Abdullah Munsyi kerana jasa dan sumbangan beliau kepada perkembangan bahasa Melayu. Untuk keterangan lebih lanjut mengenai latar belakang keluarga dan pendidikan beliau sila lihat Abdullah bin Abdul Kadir, *The Hikayat Abdullah* (Terjemahan) oleh A.H.Hill, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970, hlm. 31-64.
- 13 Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir, *Hikayat Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi* (Cetakan ke-6), Singapura: Mission Press, Jilid 1, 1949, hlm.12-13.
- 14 Arba'iyah Mohd Noor, 'Kesedaran Pendidikan Wanita Melayu Awal Abad ke-20', dalam Azlizan Mat Enh dan Rohani Abdul Ghani, *Wanita dan Masyarakat*, Batu Pahat: UTHM, 2012, hlm. 33-35. Siti Aisah Murad, *Abdullah Munsyi dan Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- 15 W.F.Wertheim menyatakan, *Islam gave the small man a sense of his individual worth a member of the Islamic community. According to Hindu ideology he was merely a creature of lower order than the members of the higher castes. Under Islam he could as it were, feel himself their equal or, even, in, his quality as a moslem themselves, even though he still occupied a subordinate position in the social structure.* Lihat W.F.Wertheim,, *Indonesian Society in Transition*, Yogyakarta: PT. Tiara Wacana Yogya, 1999, hlm. 170. Lihat juga Syed Muhammad Naquid, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972, hlm. 20-24.
- 16 Mohd. Dahlan Mansoer, "Beberapa Catatan Mengenai Masuk dan Berkembang Agama Islam Di Daerah Pesisir Utara Sumatera," dalam *Jurnal Sejarah*, (Jurnal Persatuan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur), Jil. XI, 1972/1973, hlm. 11.
- 17 Ibid., Nabir bin Haji Abdullah, hlm. 285.
- 18 Ibid., hlm. 288.
- 19 R.J. Wilkinson, Malay Customs and Belief, *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Vol.30, part 4, 1957, hlm. 3.

- 20 Abdul Rahim Abu Bakar, *Perkembangan Penduduk Melayu di Daerah Kinta, Perak, 1880-1930*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976/1977, hlm. 74.
- 21 D.D. Chelliah, *A Short History of the Education Policy of the Straits Settlements 1800 to 1925*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1940, hlm. 35.
- 22 Benjamin Peach Keasberry merupakan seorang paderi yang pernah mendirikan sebuah sekolah misi atau sekolah mubaligh Kristian. Paderi ini mula bekerja di bawah Dr. Medhurst dari Persatuan Mubaligh London (*London Missionary Society*) di Batavia. Beliau mengajar dan melatih anak-anak tempatan termasuk anak-anak Melayu tentang ilmu cetak-mencetak dan menjilid buku. Lihat Kamsiah Abdullah, *Benih Budiman, Suatu Analisis Sosio-Sejarah Persekolahan Melayu di Singapura*, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007, hlm. 48-49.
- 23 *Ibid.*, hlm. 51-53.
- 24 D.D.Chelliah, *A History of The Education Policy on The Straits Settlements with Recommendation for a New System Based on Vernacular*, 1800 to 1925, Singapura, G.H. Kit and Co. Ltd., 1960, hlm. 94-95.
- 25 *Ibid.*,
- 26 *Annual Report on Education in the Straits Settlements for the year 1883*, (Education Office Singapore). *The district of Telok Blangah was far in advance of other country districts in educational matters because of the wholesome influence constantly exerted by H.H. the "Maharaja" of Johore in favour of education.* Lihat juga Lenore Manderson, *Wanita, Politik dan Perubahan*, Siri Sains Sosial, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1990, hlm. 29.
- 27 John Murray, Albemarle Street, W. *One Hundred Years of Singapore*, London: J.Murry, 1921, hlm. 469.
- 28 Kamsiah Abdullah, *Benih Budiman, Suatu Analisis Sosio-Sejarah Persekolahan Melayu di Singapura*, hlm. 52.
- 29 CO 439/3, Federated Malay States, Selangor Administration Report 1907.
- 30 Jumaah Hj. Alias, *Sejarah Perkembangan Sekolah Tinggi Melaka 1826 -1976*, Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1982/83, hlm. 6-7.
- 31 S.J.Curtis and M.E.A. Boulfwood, *An Introduction History Of English Education Since 1800*, London Universiti Tutorial Press Ltd , 1970, hlm. 7.
- 32 Kamsiah Abdullah, *Benih Budiman, Suatu Analisis Sosio-Sejarah Persekolahan Melayu di Singapura*, hlm. 92-93.
- 33 SEL.SEC 4429/1916, dasar Pro Melayu dilihat melalui usaha kerajaan British dalam menyediakan sekolah-sekolah kepada orang Melayu kerana beranggapan bahawa sebagai penduduk asal wajarlah diberi hak-hak tertentu termasuk pendidikan.
- 34 Richard J.H. Sidney, *In British Malaya To-Day*, London: Hutchinson & Co.LTD, 1927, hlm. 202-203.
- 35 Mahani Musa. *Sejarah & Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 157.
- 36 CO 439/1-2, Selangor Sessional Press 1888-1905, dengan jelas menyatakan bahawa pelaksanaan pelajaran British di Tanah Melayu menghadapi pelbagai masalah disebabkan ketiadaan kertas cadangan (Blue print) yang

- 37 jelas mengenai satu sistem pelajaran di Tanah Melayu. "The schools have during the latter part of the year been under Mr. G.C. Bellamy, as inspector of school, and has taken much trouble, to advance them. Among District Officer who have pushed education in their districts, Mr. Ridges only deserves mention."
- 38 Siti Rodziah Nyan, *Akhbar Saudara, Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009, hlm. 148-149.
- 39 Ibid., hlm. 149
- 40 *Selangor Government Gazette*, no.6, Kuala Lumpur, Friday, 11 th February, 1898, (Vol.IX), by J.Driver, Inspector of School, F.M.S, hlm. 222.
- 41 Rex Stevenson, *Cultivators And Administrators, British Education Policy Toward The Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur, Oxford Universiti Press, 1975, hlm. 93.
- 42 Ibid.
- 43 Frank Swettenham, *The Real Malay: Pen Pictures*, London: J. Lane, 1900, hlm. 272-273.
- 44 CO 717 143/51898 Durbar of Rulers of F.M.S., 25 November 1939.
- 45 CO 273/593/3 Training Centre For Malay Women Teachers, 1933 (No. Fail. 13167).
- 46 Rex Stevenson, *Cultivators And Administrators, British Education Policy Toward the Malay 1875 – 1906*, hlm.92. *Female Education, Perak had taken the lead in this field by opening two Malay girls school in 1890. Lihat juga Cheah Jin Seng, Perak 300 Early Postcards*, Singapore: RNS Publications Sdn.Bhd, 2009, hlm. 119. *The booming tin industry and Taiping's position as the capital of Perak brought significant development to the town. Taiping achieved many 'first' in the Malay States, including the first hill station, Maxwell Hill (1884); Magistrates Court (1875); girls school, Government Girls' School (1890).*
- 47 Fail Setiausaha Kerajaan Selangor, Inspector of School, 1634/1897, laporan bagi tahun 1896.
- 48 *Selangor Government Gazette*, 3<sup>rd</sup> July, 1896, Vol. VII, hlm. 20-21.
- 49 *Annual Report on the Education Department Selangor 1913*, hlm.4 dalam SEL. SEC. (Fail No.1053/1914)
- 50 Hasnah Binti Hussin, *Peranan Guru-Guru Melayu Dalam Memajukan Masyarakat Melayu, 1900-1941*, Disertasi M.A, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 248.
- 51 SEL. SEC 116/1900, *Inspector of School Selangor 1900*, Laporan tahunan bagi tahun 1899.
- 52 Penglibatan orang Melayu dalam perusahaan biji timah di Perak telah bermula pada abad ke-16 lagi. Emannuel Gadinho de Eredia menulis berkenaan penglibatan pegawai-pegawai Portugis di Melaka yang terlibat dalam perdagangan biji timah dengan pembesar negeri Perak pada tahun 1557-1600. Antara pembesar-pembesar Melayu yang menguasai perlombongan biji timah ialah Long Jaafar (kemudiannya Ngah Ibrahim anaknya) di Larut, Matang dan Selama dan Panglima Bukit Gantang di Kerian, Bukit Gantang dan Sungai Limau. Lihat Mohd Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001, hlm. 25 dan hlm. 28-3.

- 52 *State of (Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang) Estimates of the Revenue and Expenditure for the Year 1902*, Printed at the (Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang) Government Printing Office, 1901.
- 53 *Al-Iman* pertama sekali diterbitkan pada 22 Julai 1906, ditulis dengan huruf jawi dan berukuran lebar 6.3 inci serta panjang 8.6 inci. Dicitak oleh Matbaah Melayu Tanjung Pagar dan kemudiannya oleh Al-Iman Printing Company Limited. Majalah ini mengandungi 32 halaman yang dijual dengan harga 25 sen. Lihat Taib Samad, *Syed Syeikh Al-Hadi, Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm.21.
- 54 Majalah *Al-Ikhwan* diterbitkan buat pertama kali pada 16 September 1926 oleh Syed Syeikh al-Hadi dan merupakan penyambung wadah majalah *Al-Iman* yang terpaksa ditutup pada tahun 1908. Majalah ini berukuran 6.6 inci dan panjangnya 9 inci dan diterbitkan dalam bahasa Melayu jawi. *Al-Ikhwan* pada mulanya dicitak oleh The British Malaya Company dan kemudiannya dicitak sendiri oleh The Jelutong Press yang dimiliki sendiri oleh Syed Syeikh al-Hadi. Lihat A.M. Iskandar, *Persuratan Melayu 1816-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hlm. 26.
- 55 Diterbitkan di Pulau Pinang pada tahun 1928 dan dikeluarkan tiga kali seminggu bermula pada tahun 1932. Ditulis dalam tulisan jawi dan banyak membincangkan mengenai hal-hal keagamaan. Dicitak oleh Jelutong Press, Pulau Pinang. Mula diterbitkan secara mingguan (setiap Sabtu) dalam tahun 1928 hingga 1932, dua kali seminggu dalam tahun-tahun 1932 hingga 1941. *Katalog Surat khabar dan Majalah Bahasa Malaysia*, Arkib Negara, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 43.
- 56 *Saudara*, 20. Februari 1935, hlm. 7.
- 57 Rex Stevenson, *Cultivators And Administration British Education Policy Toward The Malays 1875-1906*, hlm. 31-32.
- 58 SEL:SEC: 936/1924, N0.5 in Kuala Langat 582/23, D.O, Kuala Langat, Malay School for Boy and Girls: Bandar Erection of new building, bertarikh 4 April 1924.
- 59 Ibid.
- 60 SEL: SEC: 5144/27, Proceedings of the DURBAR yang diadakan pada 11 Ogos 1927 di Astana Negara, Kuala Kangsar Perak.
- 61 Hasnah Muhammad Ali, Nurizan Mohd. Wahid dan Rashila Ramli, *Warisan Puteri Melayu dari MGC ke TKC (1947 - 1997)*, Kuala Lumpur: Old Girls Association (MGC/TKC), 2000, hlm. 4.
- 62 Khoo Kay Kim, *Tahun 1920-an Dalam Sejarah Malaysia*, Jurnal Sejarah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, jilid 9, 1970/1971, hlm. 7.
- 63 Ibid. hlm. 8.
- 64 Norazit Selat, *Pahang Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Penerbit Persatuan Muzium Malaysia, 1996, hlm. 115.
- 65 *Lembaran Guru*, November, 1926, hlm. 14.
- 66 Penggugat Perasaan Guru-guru Perempuan, *Majalah Guru*, Julai 1934, hlm. 247.
- 67 Azizah Mokhzani, Farida Habib Shah, Nik Safiah Karim, Normah Dali, dan Rokiah Talib, *Siti Hasmah: Citra Wanita Dua Zaman*, Kuala Lumpur: Penerbit Perpustakaan Negara Malaysia 1999, hlm. 29.



- 
- <sup>68</sup> Khoo Kay Kim, *Majalah dan Akhbar Melayu Sebagai Sumber Sejarah*, hlm. 10.
- <sup>69</sup> Membunga @ Siti Meriam Yaacob, *Wanita dalam karya Hamzah Hussin Dari Perspektif Feminis*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2010, hlm. 33.
- <sup>70</sup> *Saudara*, 20. Februari 1935, hlm. 7.
- <sup>71</sup> *Selangor Administration Report for the Year 1927*, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1928, hlm. 14.